

"...Negara Brunei Darussalam mengutuk keganasan dalam semua bentuk dan soma sekali menolak ekstremisme dan radikalisme. Brunei juga menyokong Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (2170) dan (2178) buan-buru ini untuk membendung aktiviti kumpulan-kumpulan penggonas. Pada masa yang sama, Negara Brunei Darussalam juga berpendapat bahawa perasa keganasan dan ekstremisme perlu ditangani secara menyeluruh..."

Pers Ichwan Dan Yang Maha Mulia Paduka Seri Beganda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muhtizzaddin, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada sesi pertama kali di Istana Komunikasi Asia-Eropah (ISKA) pada 18.8.2014 Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Dr. Najib Razak pada 17 Oktober 2014



## PERANAN UNIT KAFA

- Fokus utama KHEU mengenai itu yang berlatar dengan kumpulan atau individu yang merentas periklim / gigiata elektron, serta ia berkaitan langsung bertertanggung dengan amalan-macamam Brunei terhadap nilai-nilai agama Islam.
- Sesuai sejalan bersama Jawatankuasa Program Kewadanan Awam Berkemas Anjur Kejutan Penggaluan dan ekstrimisme di bawah jabatan Perdana Menteri.
- Membantu dalam menilai kerjaan antarabangsa perkongsian masyarakat dengan negara-negara inggilis, MABMS (Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura).
- Unit KAFA bertanggungjawab menyelaraskan maklumat dan kefahaman yang berkaitan sjarah Islam mazur, kelestan dan keperluan amanah, menjawab kritikan dan bantahan, jualan dan memfasilitasi penyelidikan-penelitian.
- Unit ini juga bertujuan mengurangkan perbezaan antara HRD dan HRM, pengurusan sumber periklim dan pengurusan personal dan profesional. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab Urusma kepada Jawatankuasa Program Kewadanan mengenai kerjaya dan ekstremisme. Objektif penyelidikan dan tindakan unit KAFA ini akan memberikan perlindungan yang efektif dan menghalau kelelahan/penderitaan penggaluan dan perisir yang wajar terjadi sekarang ini.

## Latarbelakang

*Yang Berhormat Pehin Udana  
Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz  
Hj Awg Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Hj Awang Othman,  
Menteri Hal Ehwal Ugama  
mencadangkan penubuhan satu  
mekanisme khusus menangani  
pemikiran ekstrim dan radikal yang  
memanipulasi ajaran Islam melalui  
minit bil. KHEU/M/SUT III/2011  
bertarikh 29hb Rejab 1439 (16hb  
April 2018).*

*Resolusi Forum SOM MABIMS ke-43  
(2018) menggariskan strategi bagi  
menangani pendekatan ancaman  
afiran ideologi liberalisme,  
ekstrimisme, radikalisme dan  
sebarang elemen yang  
bertentangan dengan ajaran Islam  
yang sebenar, termasuk  
menawarkan khidmat islah bagi  
menangani ideologi-ideologi  
tersebut.*

*Unit ini mula beroperasi pada 7  
Januari 2019 di bawah Pejabat  
Setiausaha Tetap, KHEU.*

*Unit ini juga dikenali dengan:  
Counselling and Religious  
Understanding Unit /  
(وحدة الاستشارة والتغاهم الديني)*

**KAFA**

أوبت كاونسلينغ دان كفاهمن أكام  
UNIT KAUNSELING & KEFAHAMAN AGAMA

VISI

Mendokong visi KHEU

Bersama Ke Arah Kehidupan Cemerlang Duniali  
dan Ukhrawi

MISI

- Memelihara kesucian agama rasmi negara dari sebarang unsur-unsur fahaman ekstrim, radikal dan pemikiran liberal.
- Membantu mereka yang memerlukan bimbingan kembali pada landasan dan nilai-nilai Islam yang murni.

## MATLAMAT

- Mengangka sindikan strategik dari perspektif Islam sebagai individual terhadap ancaman dari kumpulan atau individu yang merentas periklim / gigiata elektron, maklumat liberal yang bertertanggung dengan amalan-macamam di Negara Brunei Darussalam serta nilai-nilai agama Islam.
- Menghalaukan kerjaya kepada agensi-agensi kerajaan yang lain dalam menghadapi ratarata kumpulan atau individu yang berjaga-jaga dengan fahaman radikal serta periklim atau liberal dan sempena.
- Sesuai niat cimbah dalam memberikan pengetahuan murni terhadap kefahaman yang salah mengenal sjarah Islam mengikut keadaan dan keperluan tempatan, serta mendokong atau negara-negara Islam dalam menganggah calonan yang manggagah perpaduan Ummat.

## PROSES KERJA BAHAGIAN KAUNSILING DAN SOKONGAN UNIT KAFA



## PROSES KERJA BAHAGIAN SUMBER DAN PENYELIDIKAN UNIT KAFA




## Bahagian Kaunseling dan Sokongan (Counselling and support Unit) KAFA

### Tugas-tugas utama:

- Menawarkan khidmat bimbingan dan kaunseling serta perbincangan ugama dengan menghormati kod etika kaunselor.
- Membimbing menjadi individu yang bertanggungjawab dalam institusi keluarga dan masyarakat yang berlandaskan ajaran Islam.
- Membantu individu dan ahli-ahli keluarga dalam meneroka idea-idea serta pilihan-pilihan baru ke arah kehidupan kekeluargaan yang sejahtera dan masyarakat harmoni.
- Memantau perkembangan individu yang terlibat agar tidak terjebak semula dengan pengaruh fahaman ekstrim dan radikal, ataupun pemikiran liberal.
- Menyebarluaskan maklumat dan kefahaman yang betul mengenai ajaran Islam dalam konteks serta menurut keadaan dan keperluan tempatan.

### TAKLIMAT KAFA MENGENAI KESEDARAN AWAM BERKENAAN RADIKALISME, EKSTREMISME DAN PEMIKIRAN LIBERAL

Dalam usaha menangani fahaman dan pemikiran yang radikal, ekstrem dan pemikiran liberal yang menggunakan nama Islam di Negara Brunei Darussalam, unit kafa mengungkapayakan pengendalian taklimat mengenainya, dengan bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan



## Bahagian Sumber dan Penyelidikan (Resources and Research Unit) KAFA

### Tugas-tugas utama:

- Membuat kajian dan penyelidikan terhadap pemikiran dan golongan yang radikal dan ekstrim, ataupun liberal yang mengancam kesucian ugama Islam, terutamanya terhadap masyarakat di Negara Brunei Darussalam.
- Mengumpulkan maklumat mengenai organisasi dan gerakan golongan maupun individu yang radikal dan ekstrim, maupun liberal yang dipercaya dapat mengugat keharmonian masyarakat dan hidup berugama.
- Membuat kajian mengenai latarbelakang individu termasuk ahli keluarga dan teman sekelling yang terpengaruh dengan fahaman radikal dan ekstrim, maupun liberal.
- Mengumpul dan menyebarluaskan maklumat dan kefahaman yang betul mengenai ajaran Islam dalam konteks serta menurut keadaan dan keperluan tempatan.
- Memberikan penentangan naratif terhadap individu atau kumpulan yang radikal dan ekstrim, maupun mereka yang berfikiran liberal berdasarkan ajaran dan nilai-nilai Islam yang sebenar.

### Keterangan lanjut sila hubungi:

Unit Kaunseling Dan Kefahaman Ugama (KAFA),  
Pejabat Setiausaha Tetap,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
TEL: 2382525 (327, 328), EMEL:  
unit.kafa@mora.gov.bn

**Tugas-tugas utama  
Bahagian Kaunseling  
dan Sokongan  
(Counselling and  
Support Unit) KAFA:**

- Menawarkan khidmat bimbingan dan kaunseling serta perbincangan ugama dengan menghormati kod etika kaunselor.
- Membimbing menjadikan individu yang bertanggungjawab dalam institusi keluarga dan masyarakat yang berlandaskan ajaran Islam.
- Membantu individu dan ahli-ahli keluarga dalam meneroka idea-idea serta pilihan-pilihan baru ke arah kehidupan kekeluargaan yang sejahtera dan masyarakat harmoni.
- Memantau perkembangan individu yang terlibat agar tidak terjebak semula dengan pengaruh fahaman ekstrim dan radikal, ataupun pemikiran liberal.
- Menyebarluaskan maklumat dan kefahaman yang betul mengenai ajaran Islam dalam konteks serta menurut keadaan dan keperluan tempatan.

Unit Kaunseling Dan Kefahaman Ugama (KAFA), Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama. TEL:  
2382525 (327, 328). EMEI: unitkafa@mora.gov.bn


**Bahagian Kaunseling  
dan Sokongan  
(Counselling and  
Support Unit) KAFA**





INFO KAUNSELING KAFA

Antara Kemahiran / Info dikongsikan semasa kaunseling



## *Garis Panduan & Tatacara Sesi Kaunseling KAFA*

- The diagram consists of four interconnected segments arranged in a circle, each containing a number and a title. The segments are colored red, yellow, blue, and green.

  - 01 GARIS PANDUAN & TATACARA SESI KAUNSELING KATA**
  - 02**
  - 03**
  - 04**

**Top Left Content:**

  - Menyambut kehadiran klient dan memberi salam
  - Bersalamam, antara lelaki dan lelaki dan perempuan bersama perempuan
  - Mempersiapkan masuk dan duduk
  - Pastikan kesiapsiagaan yang baik untuk klien
  - Taufif

**Bottom Left Content:**


  - Pastikan keterangan atas setiap perkakas sebelum sesi berahir
  - Membaiki doa atau surah al-Azhar
  - Bersalamam
  - Bersuci

**Top Right Content:**

  - Membaca doa imamat dan tahlil (dengan beberapa ayat dan perjelasan)
  - Tetapkan tujuan sesi konseling dan perbaikan
  - Mencatat seluruh hasil
  - Mendengar

**Bottom Right Content:**

  - Memberi peluang kepada klien untuk meluahkan masalah
  - Memberi rassah apabila dangan yang diperlukan
  - Beri jalin dan perintangan
  - Buat keserasian jika perlu



- 1) Menerima aduan kes: KAFA memastikan kes berkenaan adalah berkaitan dengan radikalisme, ekstremisme dan pemikiran liberal. Kes dibuat di dalam borang aduan yang disediakan dan ditandatangani oleh Pegawai KAFA.
  - 2) Memfailkkan Kes: Kes didaftarkan ke dalam sistem daftar Excel secara lengkap dan dikategorikan sebagai sifit.
  - 3) Memanggil klien
  - 4) Proses kaunseling

## PROSES KAUNSELING KAF



- 5) Keputusan
  - 6) Hadapkan kepada entiti berkenaan

Keterangan lanjut sila hubungi:  
Unit Kaunseling Dan Kefahaman Ugama  
(KAFA), Pejabat Setiausaha Tetap,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama.  
TEL: 2382525 (327, 328).  
EMEL: unit.kafa@mora.gov.bn

**Tugas-tugas utama  
Bahagian Sumber dan  
Penyelidikan  
(Resources and  
Research Unit) KAFA:**

- Membuat kajian dan penyelidikan terhadap pemikiran dan golongan yang radikal dan ekstrim, ataupun liberal yang mengancam kesucian ugama Islam, terutamanya terhadap masyarakat di Negara Brunei Darussalam.
- Mengumpulkan maklumat mengenai organisasi dan gerakan golongan mahupun individu yang radikal dan ekstrim, mahupun liberal yang dipercaya dapat mengugat keharmonian masyarakat dan hidup berugama.
- Membuat kajian mengenai latarbelakang individu termasuk ahli keluarga dan teman sekeliling yang terpengaruh dengan fahaman radikal dan ekstrim, mahupun liberal.
- Mengumpul dan menyebarluaskan maklumat dan kefahaman yang betul mengenai ajaran Islam dalam konteks serta menurut keadaan dan keperluan tempatan.
- Memberikan penentangan naratif terhadap individu atau kumpulan yang radikal dan ekstrim, mahupun mereka yang berfikiran liberal berdasarkan ajaran dan nilai-nilai Islam yang sebenar.

Unit Kaunseling Dan Kefahaman Ugama (KAFA), Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
TEL: 2382525 (327, 328). EMEI: unit.kafa@mora.gov.bn

**Bahagian Sumber  
dan Penyelidikan  
(Resources and  
Research Unit) KAFA**





INFO PENYELIDIKAN KAFA

## Antara Format Penyelidikan KAFA



### **Mengapa KAFA Perlu Membuat Penyelidikan**

- Terdapat sesuatu isu atau cadangan dibuat.
  - Wujudnya pemikiran yang pro dan kontra.
  - Untuk tujuan mengenalpasti isu dan cadangan yang ditimbulkan.
  - Mendapatkan maklumat yang tepat lagi betul penyelidikan akan dibuat.

## **Tujuan Penyelidikan**

- Mengenal pasti sesuatu isu/perkara/masalah supaya rangka penyelesaan dapat dibuat.
  - Penyelidikan dibuat supaya dapat memahami sesuatu isu / perkara dengan lebih jelas.
  - Mengumpul pendapat orang awam dan pihak-pihak tertentu.



*"...kepentingan menangani keganasan dan ekstremis yang melampau secara komprehensif melalui pendidikan dan pertukaran 'people-to-people'...."*

*"...kepentingan mengatasi ancaman yang berpunca daripada keganasan dan ekstremis yang melampau dengan cara yang komprehensif bagi menangani kelemahan sosial melalui pendidikan, sikap toleransi, moderasi dan kefahaman...."*

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunel Darussalam di California, Amerika Syarikat, pada 16 Februari 2016)

Keterangan lanjut sila hubungi:  
Unit Kaunseling Dan Kefahaman Ugama  
(KAFA),Pejabat Setiausaha Tetap,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama.  
TEL: 2382525 (327, 328).  
EMEL: unit.kafa@mora.gov.bn

## Jihad (Usaha bersungguh-sungguh)

 Tuntutan jihad tidak ada makna lain selain tuntutan mengangkat senjata untuk berperang.

 Jihad dalam al-Quran membawa banyak pengertian termasuk berusaha bersungguh-sungguh dengan azam, da'wah, nasihat, ilmu dan lainnya. Contohnya seperti dalam Surah al-Furqan 52.

 Hukum berjihad dengan senjata adalah Fardu 'Ain kepada setiap orang Islam sepanjang masa, tanpa mengira waktu tertentu.

 Jihad dengan mengangkat senjata hanya menjadi Fardu 'Ain apabila musuh menyerang; atau pemerintah mengeluarkan arahan berperang; atau pemerintah mengkehendaki kepadarannya; atau ia berada dalam medan pertempuran secara langsung. Pada masa aman, jihad menjadi Fardu Kifayah kepada pemerintah untuk menyediakan kelengkapan angkatan tentera yang mantap dalam mempertahankan negara.

 Jihad dengan mengangkat senjata difardukan bagi menghapuskan orang kafir dari muka bumi.

 Dalam Islam, tujuan perang bukan untuk menghapuskan orang kafir dari muka bumi, akan tetapi untuk menolak permusuhan (*dafu al-i'tida*). Oleh karena itu, apabila lawan tidak lagi menyerang (menyerah) maka perang wajib dihentikan.

 Ayat-ayat yang menyeru kepada perdamaian di dalam al-Quran semua telah dimansuhkan hukumnya dengan ayat-ayat yang menyeru kepada memerangi orang-orang kafir.

 Kefahaman betul sama ada ayat-ayat yang menyeru kepada perdamaian atau sebaliknya perlu dilihat kepada konteks kenapa ayat-ayat tersebut diturunkan. Setelah kewafatan Rasulullah ﷺ, semua ketetapan Nasikh wa Mansukh di dalam al-Quran sama ada secara hukum, bacaan atau keduanya adalah bersifat muhkamat (jelas hukumnya), mengikat dan tetap, bersandarkan kaedah dan dalil yang kukuh.

## Kesimpulan

Istilah-istilah seperti al-Wala, al-Bara', Hijrah, Bai'ah, Khilafah, dan Jihad adalah istilah yang membawa nilai-nilai yang suci murni dalam Islam. Malangnya kumpulan pelampau sering menyalahertikan istilah-istilah ini untuk menjustifikasi tindakan mereka.

Oleh sebab itu, penjelasan terhadap kefahaman yang betul mengenai istilah-istilah ini adalah perlu demi menjaga keluhurannya dari dimanipulasi.

Di samping itu, setiap lapisan masyarakat juga perlu untuk terus peka dengan cabaran-cabaran sepertinya dan tidak membuka ruang bagi kefahaman yang salah memasuki pola pemikiran, sama ada secara sedar atau tidak.



**UBAYA-UBAYA !**

# ISTILAH-ISTILAH DALAM AGAMA ISLAM YANG SERING DISALAHERTIKAN OLEH KUMPULAN PELAMPAU

Disediakan oleh:

Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA),  
Pejabat Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

unit.kafa@mora.gov.bn

Islam adalah agama yang luhur, menyeru pengikutnya kepada kebaikan dan berkasih sayang sesama manusia. Amalan bersederhana (wasatiyyah) dalam perintah agama merupakan sikap terpuji dan sentiasa dititikberatkan, manakala melampaui batas dan berlebih-lebihan (ekstreisme) pula merupakan sikap tercela dan dilarang.

Adapun kumpulan pelampau, mereka sering kali menggunakan naratif dan istilah-istilah murni dalam Islam yang disalahertikan, bagi mengetengahkan agenda, serta menjustifikasi tindakan-tindakan mereka yang nyata bertentangan dengan syariat Islam.

Berikut adalah beberapa istilah dan naratif yang sering digunakan oleh kumpulan pelampau  ; beserta kefahaman yang betul  menurut kefahaman Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap istilah dan naratif tersebut:

### Al Wala' wal Bara' (Kesetiaan sesama Muslim dan berlepas diri dari kekafiran)

"Kita wajib memutuskan hubungan dengan orang-orang Islam yang melakukan maksiat atau fasiq"

Kita wajib menjauhkan diri dari melakukan maksiat, bukan memutuskan hubungan dengan pelakunya. Rasulullah $\text{S}$  sendiri melayani ahli maksiat dengan pendekatan yang berhikmah.

"Kita wajib memutuskan hubungan dengan orang kafir serta menunjukkan sifat permusuhan tanpa menzahirkan sifat berbaik-baik kepada mereka"

Rasulullah $\text{S}$  sendiri mencintai bapa saudaranya, Abu Talib atas ikatan kekeluargaan walaupun tidak memeluk agama Islam hingga ke akhir hayatnya. Ini bersesuaian sepetimana dalam Surah Qasas 56.

"Kita wajib menolak pemimpin atau sistem politik tidak Islami. Kita juga dilarang membuat perjanjian damai dengan pemimpin atau negara kafir."

Kita wajib taat kepada pemerintah selagi mana bukan dalam perkara-perkara maksiat [Surah An-Nisa 59]. Rasulullah $\text{S}$  sendiri membuat perjanjian damai dengan orang bukan Islam sepetimana termaktub dalam Sahifat Madinah serta Perjanjian Hudaibiyyah.

"Pemimpin-pemimpin yang tidak menjalankan undang-undang Islam dikira kafir atau murtad. Mereka mesti dijatuhi dengan apa cara sekalipun."

Mendokong pemerintah di mana saja kita bermastautin adalah satu tuntutan agama. Ulama-ulama Islam secara ijma' sepakat bahawa pemimpin yang tidak menjalankan undang-undang Islam tidaklah dikategorikan kafir mahupun murtad, seligamna mereka mengaku kewajiban melaksanakan undang-undang tersebut.

### Hijrah (Berpindah)

"Kita diwajibkan berhijrah dari Darul Kufr (negeri atau kawasan yang tidak menjalankan hukum Allah) kepada Darul Islam atau Daulah Islam"

Konteks tuntutan berhijrah dalam al-Quran selalu digandingkan dengan faktor luaran seperti menyelamatkan diri dari penindasan atau mendapatkan kebebasan, [An-Nahl 41, An-Nisaa 100].

"Kita akan terus berdosa jika terus menetap di negara-negara bukan Islam"

Selagi mana tuntutan agama masih dapat dipenuhi oleh individu Muslim, maka ia diharuskan untuk terus menetap di tempat tersebut. Menetap di suatu tempat atau menjelajahi seluruh pelusuk dunia dalam mencari rezeki adalah diharuskan sepetimana surah al-Mulk ayat 15.

### Khilafah (Sistem pemerintahan berkhilafah)

"Kita wajib menolak mana-mana sistem pemerintahan yang berjalan pada masa ini dan hanya mendokong sistem pemerintahan khilafah."

Islam tidak pernah menetapkan jenis sistem pemerintahan tertentu dan tidak pula melarang sebarang sistem pemerintahan yang ada selagi mana ia tidak melanggar asas-asas Syariat Islam.

Perlantikan khalifah oleh kumpulan pelampau adalah sah dan wajib ditaati.

Lebih 120 orang ulama telah bersepakat menolak cara perlantikan khalifah kumpulan pelampau kerana tidak dilantik menurut kaedah yang diiktiraf Syara'.

### Bai'ah (Ikrar janji setia)

"Kita wajib membuat ikrar janji setia (bai'ah) kepada 'khalifah Daulah Islam'."

Membuat ikrar janji setia kepada 'khalifah Daulah Islam' telah ditolak oleh ulama-ulama kontemporari kerana perlantikkannya tidak mengikut Syara'. Amalan sistem pemerintahan mereka juga telah terbukti banyak melakukan kemungkar dan melanggar hukum.

"Apabila kita berbai'ah, kita akan selamanya terikat dengan bai'ah tersebut dan melanggarnya pula akan mengundang bala."

Bai'ah yang wajib dipegang selamanya hanyalah bai'ah kepada Allah $\text{S}$  dan Rasulullah $\text{S}$ . Manakala selain keduanya, melepaskan bai'ah adalah diharuskan, malah mendapat ganjaran pahala jika ia mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan Syara'.

Setiap kali menerima suatu informasi hendaklah dipastikan:

- ⇒ SIAPA pengarang / penerbit bahan tersebut?
- ⇒ BILA ia diterbitkan / ditularkan?
- ⇒ APA isi kandungannya / tujuannya?
- ⇒ KENAPA harus dibaca bahan tersebut?

Secara ringkas, adalah penting untuk memastikan (**ta'kid**) semua bahan / maklumat yang diterima adalah benar agar tidak terjerumus dalam pemahaman yang salah.

## INGAT, MESTI TA'KID !!

**T**

**Teliti:** Meneliti dari mana sumber maklumat diperolehi, adakah sumber itu boleh dipercayai?

**A**

**Analisis:** Menganalisis sumber dan isi kandungan dengan lebih mendalam untuk pemahaman yang lebih baik.

**K**

**Kaji:** Mengkaji lebih lanjut kebenaran maklumat tersebut dari sumber yang lain atau pihak yang berautoriti.

**I**

**Imbangi:** Mengimbangi dapatan yang ada bagi mencapai kesimpulan yang adil dan seimbang.

**D**

**Didik:** Mendidik orang lain dengan maklumat yang betul, jika perlu.

**UBAYA-UBAYA !**

## PASAL PEMIKIRAN EKSTREM DALAM BERUGAMA

Disediakan oleh:

Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA),  
Pejabat Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

unit.kafa@mora.gov.bn



Apakan Ekstremisme Dalam Berugama Ani??



Pemikiran atau tindakan berunsur keganasan yang berada di luar daripada batasan *wasatiyyah* (bersederhana menurut ketetapan Nabi Muhammad dan berdasarkan kepada kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah).

Negara kitani ani aman jua, apakan diingaukan pasal pemikiran sama kegiatan ekstrem ani??

Banar tu, tapi kitani mesti jua ubaya-ubaya apalagi yang datang dari internet ani, pasal....

- \* Maklumat nda sahih banyak tersebar melalui internet dan media sosial.
- \* Sumber rujukan ugama yang nda diketahui asalnya sanang balurih di internet.
- \* Penggunaan internet yang tinggi di negara kitani boleh mendedahkan kepada ancaman pemikiran ekstrem.
- \* Sedekah amal jariah melalui dana atas-talian boleh dieksplorasi untuk tujuan pengganasan.

Cemanaka internet sama media sosial mungkin buleh membawa kitani arah bahan-bahan berunsur ekstrem??

Setiap aktiviti dalam internet macam enjin carian, klik, tontonan dan sebagainya ada sistem algoritma tersendiri bagi memudahkan pengguna, ganya kadang maklumat yang dibagi atau ada yang nda sesuai, misalannya...



Sistem algoritma dalam internet dan media sosial pandai sendirinya mengawasi, mengumpul sama menganalisis sejarah bagas penggunaan internet dan media sosial yang sebalum ani.

Sudah tu semua data ditaruhnya, kemudian diingatinya untuk meliatkan bahan yang labih kurang sama dengan apa yang malar diunjur oleh pengguna.

Jadinya, cemanatah kan tau usul tanda-tanda ekstremisme ani?

Kebiasaan durang ani...



Menzahirkan simbol-simbol atau lambang yang digunakan kumpulan-kumpulan pengganas



Memutuskan hubungan silaturrahim dan hanya muhu berkawan dengan lingkungan yang baru dikenali



Memaksa dalam berda'wah bagi mendapatkan sokongan atau keyakinan terhadap ideologi bisdurang

Cemanakan mengilala kebiasaan kelakuan ekstrem orang keliling kitani?



Dorang ani biasanya:....



Belajar agama secara intensif & eksklusif hanya kepada bahan-bahan berkenaan ideologi tertentu sahaja



Menjustifikasi perbuatan kekerasan bagi mempertahankan perjuangan ataupun ideologi tertentu



Obses arah bahan-bahan berkaitan tanda-tanda akhir zaman macam kemunculan Imam Mahdi atau Nabi Isa AS dan sebagainya



Menzahirkan kebencian kepada seseorang atau kumpulan tertentu dengan alasan nas-nas agama



Bersikap paranoيا dan berpandangan yang dapat memecahbelahkan masyarakat



Taksub dengan teori-teori konspirasi atau jalan-jalan cerita yang nda pasti sama ada lurus kah nda